



KEPADA :

**SEMUA PEMILIK / PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN
DI SELURUH NEGERI PERLIS**

YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**PENGIBARAN BENDERA NEGERI PERLIS SEMPENA SAMBUTAN JUBLI
PERAK PEMERINTAHAN DAN SAMBUTAN ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN
KE-82 DYMM TUANKU RAJA PERLIS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pada tahun ini genap 25 tahun Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis bersemayam di atas singgahsana sebagai Raja Pemerintah Negeri Perlis dan tahun ini juga merupakan tahun keputeraan yang ke-82 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Sambutan Jubli Perak Pemerintahan dan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-82 DYMM Tuanku Raja Perlis bermula pada 17 Mac 2025 hingga 17 Jun 2025. Sehubungan itu, sebagai menzahirkan rasa kasih sayang dan taat setia kepada DYMM Tuanku di samping memeriahkan lagi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan dan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-82 DYMM Tuanku Raja Perlis, pihak YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan adalah dikehendaki mengibarkan bendera Negeri Perlis di premis masing-masing berkuat kuasa mulai 17 Mac 2025 hingga 17 Jun 2025.

3. Pihak Majlis juga ingin mengingatkan bahawa pengibaran Bendera Negeri bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis merupakan sebahagian daripada syarat-syarat lesen perniagaan yang ditetapkan oleh Majlis. Oleh itu, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan boleh diambil.

4. YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan juga hendaklah memastikan bahawa bendera yang dipasang di premis YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan berada dalam keadaan yang baik, tertib, mengikut kedudukan yang sewajarnya dan tidak lusuh. Mana-mana bendera yang lusuh, koyak dan sebagainya hendaklah digantikan dengan bendera baharu agar imej negeri dipelihara sebaiknya bagi melambangkan ketaatan kepada pemerintah dan kecintaan kepada Negeri Perlis.

.../2-

Ruj. Kami : MPK.Ps. 08 / 351 Jld. 2 (34)

5. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan dan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-82 DYMM Tuanku Raja Perlis pada tahun ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU,
NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU"**

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERLISKU BESTARI BERKAT LESTARI"

Saya yang menjalankan amanah,



(APPENDI RAJINI KANTH)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kangar

Perlis.

s.k.

1. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis
Pejabat Menteri Besar Perlis
Aras 3, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis.
2. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis
3. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis